

# TAKLIMAT TENDER

MENYIAPKAN KERJA-KERJA TERBENGKALAI BAGI  
PROJEK MEMBINA DEWAN SERBAGUNA DI MUKIM  
RUNGKUP, BAGAN DATUK, PERAK

16 JUN 2020

Oleh  
JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK



# MAKLUMAT TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya (KKR) dan berdaftar dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia(CIDB)/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :

Pejabat Yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf / Jenis Syarikat	Gred Kategori dan Pengkhususan	Tempat Dan Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen dan Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh Dan Waktu Tender Tutup
JKR Perak Darul Ridzuan	Menyiapkan Kerja-kerja Terbengkalai Bagi Projek Membina Dewan Serbaguna Di Mukim Rungkup, Bagan Datuk, Perak.		i. Mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya (KKR)	Ibu Pejabat JKR Perak, Tingkat 1 (Bhg. Kontrak & Ukur Bahan)	RM80.00 Pengarah Kerja Raya Negeri Perak	Ibu Pejabat JKR Perak, Tingkat 1 (Bhg. Kontrak & Ukur Bahan)
		Terbuka	ii. Berdaftar dengan CIDB : Gred G5 atau G6 atau G7			
		T1		23.06.2020		
			iii. Kategori : B	(Selasa) hingga		14.07.2020 (Selasa) Jam 12.00
			iv. Pengkhususan : B04	07.07.2020  (Selasa)		tengahari

Lawatan Tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**.



# GRED / KATEGORI /PENGKHUSUSAN / TARAF / JENIS SYARIKAT

- I) MEMPUNYAI SIJIL KONTRAKTOR PENYIAP KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)



- II) BERDAFTAR DENGAN CIDB : Gred G5 atau G6 atau G7
- III) Kategori : B
- IV) Pengkhususan : B04
- V) Terbuka
- VI) TI

# **TEMPOH SIAP MAKSIMUM**

- TEMPOH SIAP MAKSIMUM YANG DITETAPKAN ADALAH 60 MINGGU.



# DOKUMEN TENDER

- I) Setiap petender akan menerima satu (1) set dokumen lengkap dalam bentuk salinan *hardcopy* yang terdiri daripada perkara-perkara berikut :
1. Seksyen I (Kehendak-Kehendak Kontrak)
  2. Seksyen II
    - Ringkasan Tender
    - Jadual Kadar Harga
    - Senarai Lukisan
  3. Seksyen III
    - Spesifikasi Addenda
    - Pengukuran dan Faktor Menghargakan Senarai Kuantiti
  4. Lukisan Tender
- 
- Dalam bentuk *hardcopy*
- Dalam bentuk CD
- II) Petender bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan setiap dokumen tender yang dibelinya adalah lengkap. Sekiranya terdapat apa-apa ketidaksempurnaan pada dokumen atau mukasurat di dalam dokumen tender berkenaan berdasarkan semakan oleh petender dengan Dokumen Meja Tender, adalah menjadi tanggungjawab petender untuk merujuk kepada pejabat yang mengeluarkan tender supaya pembetulan kepada ketidaksempurnaan tersebut dapat dibuat.
- III) Petender boleh merujuk kepada dokumen berikut sebagai panduan semasa mengisi dan melengkapkan dokumen tender.
- a) Senarai Semakan Kandungan Dokumen Tender
  - b) Senarai Semakan Mengemukakan Tender Untuk Kegunaan Petender



# DOKUMEN TENDER

- IV) Petender dikehendaki mengisi, melengkapkan dan mengembalikan perkara- perkara berikut:
  - a) Semua Seksyen dalam Dokumen Tender kecuali Lukisan Tender.
  - b) Borang-Borang Maklumat.
  - c) Senarai Semakan Dokumen (SSD).
- V) Bagi Dokumen Tender yang dibekalkan dengan salinan *hardcopy* Senarai Kuantiti, Petender hendaklah menghargakan dan mengembalikannya bersama-sama Dokumen Tender pada Tarikh Tutup Tender.
- VI) Jika tender dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar, Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup Tender selewat- lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.



# **BORANG-BORANG MAKLUMAT YANG PERLU DILENGKAPI OLEH PETENDER**

- 1. BORANG A**      - SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PETENDER
- 2. BORANG B**      - MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PETENDER
- 3. BORANG C**      - DATA KEWANGAN
- 4. BORANG CA**      - LAPORAN BANK / INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT
- 5. BORANG D**      - SENARAI KERJA / KONTRAK SEMASA PETENDER
- 6. BORANG DA**      - LAPORAN PRESTASI KERJA SEMASA PETENDER
- 7. BORANG E**      - REKOD PENGALAMAN KERJA PETENDER  
(SENARAI KERJA DALAM TEMPOH 5 TAHUN LEPAS)
- 8. BORANG F**      - SURAT AKUAN PEMBIDA (*INTEGRITY PACT*)



# MAKLUMAT KEWANGAN

1. Petender hendaklah mengisi **Borang C** (Data Kewangan Petender)
2. Petender **WAJIB** mengemukakan **sekurang-kurangnya salah satu** dokumen kewangan berikut:
  - a. Salinan Penyata Kewangan Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender atau sekiranya tiada, bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut setahun sebelum tahun tutup tender yang **diaudit** dan **disahkan** dengan salinan diakui sah (*certified true copy*) oleh Juruaudit Bertauliah  
atau
  - b. Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang **disahkan** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan.  
atau
  - c. Laporan ASAL bank/institusi kewangan mengenai kemudahan kredit petender, atas format seperti di **Borang CA** yang **ditandatangani** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank/institusi kewangan berkenaan



# MAKLUMAT KEWANGAN

3. Deposit tetap (sekiranya ada) yang **disahkan** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan boleh dikemukakan sebagai tambahan kepada pengiraan keupayaan kewangan.
  
4. Pihak Kerajaan akan membuat semakan dengan pihak syarikat audit/ bank/ institusi kewangan bagi mendapatkan pengesahan ke atas maklumat kewangan yang dikemukakan oleh petender. Petender hendaklah memastikan bahawa pihak syarikat audit/ bank/ institusi kewangan mengemukakan maklum balas dalam tempoh empat belas hari (14) hari dari tarikh surat dihantar kepada mereka. Kegagalan pihak syarikat audit/ bank/ institusi kewangan untuk mengemukakan maklum balas dalam tempoh tersebut akan menyebabkan maklumat kewangan petender yang berkenaan tidak diambil kira dalam penilaian.

# MAKLUMAT TEKNIKAL

- a) Petender dikehendaki menyenaraikan kerja semasa di **Borang D**. Petender **WAJIB** mengisi **Borang DA** dengan lengkap dan dikemukakan bersama-sama dokumen-dokumen sokongan yang ditetapkan. Kegagalan petender untuk mengisyiharkan kerja semasa akan menyebabkan tendernya ditolak. Bagi petender yang tidak mempunyai kerja semasa, sila catatkan “Tiada Kerja Semasa” di **Borang D**.
- b) Petender dikehendaki menyenaraikan kerja-kerja yang telah dilaksanakan di **Borang E** berserta dokumen-dokumen sokongan sekiranya mempunyai pengalaman kerja. Bagi petender yang tidak mempunyai pengalaman kerja, sila catatkan “Tiada pengalaman” di **Borang E**. Kegagalan petender untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen sokongan di **Borang E** akan mengakibatkan maklumat tersebut tidak dapat disemak kerana ketidakcukupan dokumen. Hal ini boleh menyebabkan maklumat tersebut tidak diambil kira.

# MAKLUMAT TEKNIKAL

c) Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut:

- Salinan Surat Setuju Terima dan Perakuan Bayaran Interim terkini bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di **Borang D**;
- Laporan Asal Projek mengenai prestasi semasa petender, bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di Borang D, atas format seperti **Borang DA**. Laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa/Pegawai Profesional yang menyelia projek tersebut; dan
- Salinan Surat Setuju Terima atau Salinan Perakuan Siap Kerja/ Pengesahan Siap Kerja/Perakuan Muktamad setiap kerja yang telah disiapkan dan disenaraikan di **Borang E**.



# **SURAT AKUAN PEMBIDA (INTEGRITY PACT)**

- Petender **WAJIB** mengisi dan menandatangani **Borang F**.
- Kegagalan mengisi borang ini akan menyebabkan tendernya **DITOLAK**.



# DOKUMEN TAMBAHAN

Petender yang mempunyai dan mengemukakan salinan sijil-sijil berikut boleh diberi keutamaan dalam perakuan tender:

a) Sijil SCORE

- Sijil SCORE dari CIDB yang masih sah semasa tender ditutup (tidak lebih satu tahun dari tarikh sijil dikeluarkan) dengan minimum dua (2) Bintang terutama bagi petender yang menawarkan harga tender di bawah paras Harga Cut-Off.

b) Sijil/Perakuan Anugerah

- Anugerah yang diperolehi oleh petender yang berkaitan dengan industri pembinaan dalam tempoh lima (5) tahun ke belakang, contohnya Anugerah Kontraktor Cemerlang, Anugerah Pengurusan Pembinaan Terbaik.

c) Sijil/Surat Pengesahan Pelaksanaan Program PROTEGE

- Petender mengemukakan sijil atau surat pengesahan pelaksanaan Program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) daripada Sekretariat PROTÉGÉ.



# DOKUMEN MEJA TENDER

Naskah lengkap Dokumen Meja Tender boleh dirujuk di :

Tempat : Juruukur Bahan Pengguna  
Tingkat 1, Bahagian Kontrak & Ukur Bahan,  
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000 IPOH.

Masa : Isnin hingga Khamis :  
8.00 Pagi – 1.00 Petang  
: 2.00 Petang – 4.00 Petang

Jumaat :  
8.00 Pagi – 12.15 Petang  
: 2.45 Petang – 4.00 Petang



# SOP SEKTOR PEMBINAAN (COVID -19)

- Semua Kontraktor perlu merujuk dan mematuhi SOP Sektor Pembinaan sempena Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)
  - \* tertakluk kepada SOP semasa
- SOP ini boleh dicapai melalui Portal CIDB Malaysia



# PENYERAHAN TENDER

- Dokumen Tender hendaklah dilengkapkan dan dimasukkan di dalam sampul serta dilakrikan tanpa meletakkan tanda pengenal Petender pada bahagian luar sampul surat tersebut. Sampul surat yang berlakri tersebut hendaklah dicatatkan dengan nama projek berikut di bahagian atas sebelah kanan iaitu:

## **MENYIAPKAN KERJA-KERJA TERBENGKALAI BAGI PROJEK MEMBINA DEWAN SERBAGUNA DI MUKIM RUNGKUP, BAGAN DATUK, PERAK**

dan dihantar sendiri dengan tangan atau melalui perkhidmatan pos berdaftar kepada:

**Juruukur Bahan Penguasa  
Tingkat 1, Bahagian Kontrak & Ukur Bahan,  
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000 IPOH.  
(u.p: En. AHMAD SHABUDIN BIN MATT)**

dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** tidak lewat atau pada pukul 12.00 tengahari pada tarikh tutup tender. Mana-mana Tender yang sampai selepas masa dan Tarikh yang ditetapkan, atas sebarang sebab dan alasan tidak akan dipertimbangkan. Tanpa sebarang obligasi, Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana Tender yang telah dihantar tetapi didapati hilang atau lewat diterima. Bukti pos tidak akan diterima sebagai bukti penghantaran mana-mana Tender.



# MAKLUMAT TENDER

TAJUK PROJEK

: MENYIAPKAN KERJA-KERJA TERBENGKALAI  
BAGI PROJEK MEMBINA DEWAN SERBAGUNA  
DI MUKIM RUNGKUP, BAGAN DATUK, PERAK

AGENSI PELAKSANA

: JABATAN KERJA RAYA,  
PERAK DARUL RIDZUAN

KEMENTERIAN / PELANGGAN

: PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI PERAK,  
JABATAN PERDANA MENTERI

LOKASI

: LOT 57, MUKIM RUNGKUP, BAGAN DATUK,  
PERAK

## KOORDINAT TAPAK BINA

3°54'28.9"N  
100°46'22.7"E




# LOKASI TAPAK



Lot 57, Mukim Rungkup, Bagan Datuk, Perak

KOORDINAT TAPAK BINA  
3°54'28.9"N 100°46'22.7"E

# **PELAN TAPAK**



MENYIAPKAN KERJA-KERJA TERBENGKALAI BAGI PROJEK MEMBINA DEWAN SERBAGUNA DI MUKIM RUNGKUP, BAGAN DATUK, PERAK

# PELAN LANTAI



MENYIAPKAN KERJA-KERJA TERBENGKALAI BAGI PROJEK MEMBINA  
DEWAN SERBAGUNA DI MUKIM RUNGKUP, BAGAN DATUK, PERAK

DISEDIAKAN OLEH:

# PERSPEKTIF LUARAN



(REKABENTUK LUARAN ADALAH SAMA SEPERTI DEWAN SERBAGUNA HUTAN MELINTANG)




PERSPEKTIF DARI SISI KANAN

DISEDIAKAN OLEH:

# PERSPEKTIF LUARAN

S P E S I F I K A S I   R I N G K A S		
KOD	PERKARA	SPESIFIKASI
(ST)	STRUKTUR UTAMA	STRUKTUR UTAMA MENGGUNAKAN SISTEM IBS DAN "PORTAL FRAME"- TIANG DAN RASUK SERTA KEKUDA ADALAH DARI KELULU "UNIVERSAL BEAM"
(LK)	LANTAI	LANTAI UTAMA ADALAH KONKRIT BERTELUNG DAN DIKEMASKAN DENGAN KEMASAN UTAMA ADALAH DARI "TIMBER STRIP" YANG SESUAI UNTUK GELANGGANG BADMINTON.
(D1)	DINDING	DINDING JENIS BATU BLOK DARI KONKRIT RINGAN DENGAN KEMASAN BATA MUKA (FACING BRICK) ATAU :
(D2)	STRUKTUR DINDING	DINDING DARI JENIS BATU BLOK BONGKAH PADA KETINGGIAN 6M
(D3)		
** SEMUA SPESIFIKASI SEBENAR HENDAKLAH DIRUJUK KEPADA LUKISAN TENDER.		
	KOD	PERKARA
	(PB)	PANEL AKSESORI DINDING DALAM
	(R1)	BUMBUNG
	(R2)	BUMBUNG HADAPAN
	(R3)	BUMBUNG ANJUNG
	(S1)	SILING
	(SD)	SHADING DEVICE
		PANEL KALIS BUNYI HENDAKLAH DIPASANG DI BAHAGIAN DALAM
		KEMASAN BUMBUNG DARI JENIS KEPINGAN LOGAM (PUTIH) DGN. TEBAL MINIMA 0.55mm ("FASCIA"-PENUTUP TEPI BUMBUNG JENIS LICIN 1mm TEBAL)
		RUJUK LUKISAN TENDER
		BUMBUNG KACA (LAMINATING SEMI TINTED TEMPERED GLASS-GREEN COLOUR)
		SILING DARI JENIS PANEL SERAP BUNYI (AKUSTIK PANEL)
		"PERFORATED ALUMINUM SUNSHADE" ATAU ; PANEL LATICE CEMENT BOARD UNTUK MELINDUNG CAHAYA TERUS



PERSPEKTIF DARI UDARA

DISEDIAKAN OLEH:

MENYIAPKAN KERJA-KERJA TERBENGKALAI BAGI PROJEK MEMBINA  
DEWAN SERBAGUNA DI MUKIM RUNGKUP, BAGAN DATUK, PERAK

# **MAKLUMAT UMUM KERJA STRUKTUR**

**•KERJA – KERJA STRUKTUR ATAU UJIAN PERLU MERUJUK ATAU DIGUNAPAKAI DOKUMEN TERSEBUT:-**

- 1) SPESIFIKASI BANGUNAN 2014**
- 2) DOKUMEN SPB JKR**
- 3) LUKISAN PIAWAI JKR.PK.BRAS.NP**
- 4) NOTA-NOTA PADA LUKISAN TENDER**

**MANAKALA BAGI SPESIFIKASI BAHAN**

- 1) JENIS KONKRIT = G35**
- 2) TETULANG UTAMA = “T” – STRENGTH (460MPa)**
- 3) PENGIKAT TETULANG = “R” – STRENGTH (250MPa)**



# **SKOP KERJA-KERJA STRUKTUR**

- KERJA-KERJA MEROBOH STRUKTUR KONKRIT RASUK TANAH DAN STUMP (SEDIA ADA). TETULANG STUMP SEDIADA HENDAKLAH DIPELIHARA DAN DIKEKALKAN (RUJUK PEGAWAI PENGUASA).
- KERJA-KERJA MEMBINA STRUKTUR BANGUNAN



# MAKLUMAT SUPER STRUKTUR



## Tiang

Terdapat 2 Jenis tiang iaitu


C1 & C2

- C1 bersaiz 300mmx300mm  
yang bertetulang T20 & T25  
dan link R10


- C2 bersaiz  
300mmx300mm yang  
bertetulang T20 & T25 dan  
link R10




# Susunatur Rasuk Tanah




# Susunatur Rasuk Bumbung IB (3000 Level)



# Susunatur Rasuk Bumbung 2B



# Susunatur Rasuk Bumbung (+6000 level)



# TAPAK SEDIADA



- Terdapat keretakan di rasuk tanah (GB) grid line 6/B-C

# TAPAK SEDIADA



- Kerja-kerja memecah rasuk tanah sehingga pangkal tiang (stump) dan menyambung besi pangkal tiang untuk blok Dewan Serbaguna Baru

# TAPAK SEDIADA



Kesemua tetulang ‘link’ dan tetulang utama di rasuk tanah (GB) di tapak sediada pada permukaan rasuk telah dipotong.

# TAPAK SEDIADA



- Tangki Septik
  - Ada di tapak dan belum ditanam
  - Telah dibekalkan oleh kontraktor terdahulu
  - Tangki septik ini akan digunakan semula (rujuk Pegawai Penguasa)

# TAPAK SEDIADA



- Pencawang TNB
  - Semua struktur utama seperti rasuk tanah (GB), rasuk bumbung (RB), lantai aras bawah dan lantai bumbung telah siap sepenuhnya
  - Kerja berbaki adalah mengikut spesifikasi daripada TNB dan merujuk kepada Pegawai Penguasa.

# TAPAK SEDIADA



-Membina jambatan baru dari jenis pembetung kekotak berkembar konkrit bertetulang bersaiz 3500mm x 3500mm x 7000mm



# SKOP KERJA MEKANIKAL

- Skop mekanikal melibatkan Kerja-Kerja Membekal, Memasang, Menguji serta Mengujiterima Sistem Penyamanan Udara Bagi Menyiapkan Kerja-Kerja Terbengkalai Bagi Projek Membina Dewan Serbaguna Mukim Rungkup, Bagan Datuk, Perak
- Kerja-kerja akan **dilaksanakan oleh Sub-kontraktor Dinamakan (NSC)**

# SKOP KERJA ELEKTRIK

- Skop elektrik melibatkan Kerja-Kerja Membekal, Memasang, Menguji serta Mengujiterima kelengkapan elektrik Bagi Menyiapkan Kerja-Kerja Terbengkalai Bagi Projek Membina Dewan Serbaguna Mukim Rungkup, Bagan Datuk, Perak
- Kerja-kerja akan **dilaksanakan oleh Sub-kontraktor Dinamakan (NSC)**



# SKOP KERJA LUAR BANGUNAN

- Mengikut seperti mana dokumen tender dan lukisan tender yang disediakan serta merujuk kepada spesifikasi addenda.



- SEBARANG PERTANYAAN YANG BERKAITAN BOLEH MERUJUK KEPADA:

Bil.	Bahagian	No.Telefon	Nama Pegawai
1.	BAHAGIAN BANGUNAN, IBU PEJABAT JKR PERAK (HOPT)	05-2534041 Samb. : 4077	EN. ZULLKOFLI BIN. AYUB
2.	BAHAGIAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN, JKR PERAK	05-2534041 Samb.: 4014	EN. NORAZMI BIN MOHD.ARSHAD
3.	JKR DAERAH BAGAN DATUK	05-6411744	IR. MOHD.AZNAN SHUKRI BIN MOHAMED SAFIAN
4.	BAHAGIAN ARKITEK, JKR PERAK	05-2534041 Samb.: 4044	PN. NURUL HAZRITA BINTI YUSUF
5.	BAHAGIAN REKABENTUK AWAM DAN STRUKTUR JKR PERAK	05-2534041 Samb.: 4162	EN. MOHD. ISMAN KHAIRI BIN ISMAIL

**SEKIAN,  
TERIMA KASIH**

